

Pandangan Islam terhadap:

MASALAH PERTENTANGAN KELAS DAN GOLONGAN

Dalam ajaran komunis pertentangan kelas ini menjadi tujuan yang terpenting. Dengan semboyan inilah mereka menjalankan siyasah mereka. Di mana-mana mereka mengadakan ceramah politik selalu digembar-gembarkan pertentangan khas ini. Rakyat yang katanya terdiri dari kaum buruh itu dihasut supaya melawan dan menentang kaum majikan. Rasa benci ditumbuhkan dalam hati kaum buruh, tani dan pedagang kecil. Dalam hati mereka kaum buruh tadi timbullah perasaan benci dan tidak luas kepada majikan. Bila ada kesempatan mereka akan mencubakan aksi mereka untuk melawan majikan. Setelah hal ini terus-menerus terjadi, akan terjadilah dalam masyarakat sesuatu yang memecah belah masyarakat kepada golongan yang bertentangan. Akan timbullah perkataan “yang punya” dengan “yang tidak mempunyai. Permusuhan antara kedua golongan ini makin lama makin kuat, sehingga akan berurat berakarlah dalam tubuh masyarakat itu. Pada suatu saat ia akan merupakan suatu gelanggang perkelahian. Sekali bermusuh akan tetap bermusuhan. Dengan apakah dapat diatasi hal yang serupa itu?

Dalam siyasah kaum komunis pertentangan kelas ini merupakan salah satu tiang bagi komunisme. Perlu diketahui bahawa ajaran ini bukanlah didasarkan atas logik atau sejarah. Akan tetapi ia adalah suatu bahagian dari kepercayaan. Saudara disuruh membenci seseorang bila saudara telah cemburu kepadanya. Dalam pengertian ekonomi, cemburu ini telah lebih dahulu ada dari kebencian.

Dalam ajaran komunisme yang diajarkan oleh Karl Marx itu orang yang tinggi kedudukannya harus membenci yang rendah, demikianlah sebaliknya. Ditinjau dari segi

Islam kepercayaan untuk mengadakan pertentangan kelas ini tidak dibolehkan. Islam melarang cemburu dan benci terhadap seseorang yang lain. Teori seperti ini memang sangat menyesatkan manusia. Kaum komunis tidak akan bersenang hati sebelum ada pertentangan dan permusuhan dalam masyarakat itu. Demikianlah menurut ajaran asli ketua-ketua kaum komunis Karl Marx, Lenin, Stalin, dan lain-lain.

Satu lagi yang menjadi dasar kepercayaan bagi kaum komunis ialah benci. Si miskin disuruh membenci si kaya, si buruh diperintah supaya membenci si majikan, satu golongan dihasut supaya melawan golongan yang lain. Dilihat dari segi Islam bagaimanakah kita akan dapat membenci dalam masyarakat yang sihat perbezaan seperti ini tetap ada. Perlumbaan antara satu golongan yang lain sudah sewajarnya diadakan, akan tetapi bukan dengan cara membenci tu.

Islam memerintah kita bersaudara. Tidak boleh benci membenci. Dalam banyak faktor kehidupan manusia itu memang berbeza. Hidupnya tidak dapat disamakan sahaja. Dengan segala keragaman itu hiduplah ia dengan rukun dan damai.

Dalam Islam antara si kaya dan si miskin, antara buruh dan majikan merupakan alam biasa. Satu sama lain harus tolong-menolong. Bukan seperti kehidupan dalam hutan. Tikam menikam. Yang kuat berkuasa sepenuhnya atas silemah. Si lemah menjadi mangsa bagi bagi si kuat.

Dalam kehidupan Nabi Muhammad (SAW) dan keempat orang khalifah terdapat ajaran dan amalan yang dapat mempersatukan antara si kaya dan si miskin itu. Kaum yang miskin pada masa itu tidak menganggap orang-orang

kaya itu musuh mereka yang harus dihancurkan. Dan majikan tidak menganggap bahawa kaum buruh itu budak yang harus dipersetankan untuk kepentingan kaum majikan golongan lain. Islam tidak membolehkan sifat benci membenci ini.

Professor H. A. R. Gibb di dalam bukunya Wizar Islam? London muka 379 menyatakan penghargaan bahawa Islamlah yang dapat mempersatukan taraf dari dari segala lapisan manusia yang bermacam-macam itu.

Oleh kerana itu Islam adalah suatu masyarakat yang kuat, suatu masyarakat yang terdiri dari manusia yang terikat dengan suatu tujuan yang jelas. Ia merupakan suatu masyarakat yang dapat memecahkan dan menghadapi segala macam persoalan dari keadaan manusia. Dapatlah dikatakan bahawa perentangan kelas itu bukan sahaja berlawanan dengan ajaran Islam, akan tetapi juga secara langsung bertentangan dengan cita-cita Islam.

Dalam Islam ukuran tinggi rendah, mulia dan hina seseorang itu dipandang dari takwanya kepada Tuhan. Bukan dengan banyaknya harta benda. Ia bukan diukur dengan banyak emas atau perak, sawah dan lading, akan tetapi ia diukur dengan hatinya yang tunduk dan patuh kepada yang menjadikannya. Sebenarnya umat Islam tidak akan mempercayai teori politik yang tidak berdasarkan logik yang jelas.

Janganlah terpesong dengan ajaran komunis yang akan menyesatkan umat Islam dari ajaran al-Quran. Kaum komunis belum bersenang hati sebelum masyarakat itu kacau. Kekacauanlah yang dipancing-pancing oleh kaum komunis di mana-mana. Kalau tidak ada kekacauan kaum komunis tidak ada dengannya. Kaum komunis ingin supaya umat Islam berpecah-belah. Ini ternyata dengan tindakannya di mana-mana. Di Russia dan Tiongkok keadaan umat Islam itu sangat menyedihkan. Suku bangsa ini diadu dengan suku bangsa itu. Di Indonesia pun ketika seperti ini telah dijalankan pula oleh kaum komunis. Di beberapa tempat di Indonesia ini

Parti Komunis Indonesia dan konco-konconya sedang bermati-mati menjalankan jarumnya hendak memecah-belahkan parti-parti Islam-Nahḍah al-‘Ulamā’, Partai Sarekat Islam Indonesia, PERTI, dan Masyumi.

Masyumi misalnya dikatakan kakitangan imperialis, dan sebagainya.

Komunis sentiasa bekerja merosak keyakinan agama dan menghancurkan kepercayaaan ketuhanan. Usaha ini telah berjalan di sepanjang umur sejarah komunis di dunia. Ia turun naik, sesuai dengan keadaan dan taktik perjuangannya. Kadang-kadang usaha itu berjalan keras dan deras, seolah-olah agama dan ketuhanan dapat dihapuskan dengan cepat. Jika perlawanan dari kaum agama dan manusia yang membela ketuhanan keras amka kaum komunis menukar taktik berpura-pura bersikap lemah dan berkjalan terhadap agama dan ketuhanan.

Tetapi pada masa akhir ini usaha baharu komunis untuk menghapuskan agama dan ketuhanan yang diarahkan dari Russia telah naik memuncak kembali dengan hebatnya. Suara-suara suratkhobar-suratkhobar Russia yang dapat pandang sebagai tanda serangan terhadap agam, telah terbukti keluar.

Oleh sebab itu, jalan yang harus ditempuh oleh penganut-penganut agama dan ketuhanan, hanya satu, ialah menyusun tenaga untuk membela agama dan ketuhanan.

Penggal 1 dan 2 sudah siap-Sepenggal \$ 1.20

‘Umar Ibn al-Khaṭṭāb

Oleh: ‘Abdullāh Basmeh

Silalah pesan kepada:

Qalam Press Ltd.,

356-358, Geylang Road, Singapore 14.
